

12 AUG 1996

KTM-Singapura

CADANGAN SAMBUNG LALUAN TREN ELEKTRIK KE SINGAPURA MASIH DIKAJI

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Cadangan menyambungkan laluan sistem tren elektrik di Johor hingga ke Singapura sedang dipertimbangkan oleh kerajaan kedua-dua negara, kata Pengarah Urusan KTM Berhad, Datuk Abdul Rahim Osman.

Menurut beliau, pelan yang telah dipersetujui setakat ini hanya merangkumi laluan Kulai-Senai-Johor Baharu yang akan berakhir di Tanjung Pagar.

"Jika kedua-dua kerajaan bersetuju, rangkaian sistem keretapi elektrik itu akan merangkumi sistem serupa yang sedia ada di negara jiran berkenaan," katanya kepada pemberita selepas perasmian Pertandingan Rekacipta Model Sistem Keretapi di sini.

Katanya, tender untuk penyediaan sistem dan infrastruktur perkhidmatan itu masih dibuka dan ia akan ditutup pada penghujung bulan September ini.

Ketika ditanya mengenai perkembangan keretapi pendulum yang dirancangkan untuk perjalanan jarak jauh, Abdul Rahim berkata penyediaan landasan berkembar yang merupakan keperluan asas perkhidmatan itu sedang dijalankan antara Rawang dan Ipoh.

"Jika landasan berkembar dari Rawang ke Ipoh siap, kita akan mempunyai sebahagian laluan untuk perkhidmatan itu yang bakal menghubungkan bandar Seremban dengan Ipoh," katanya.

Idea untuk mengadakan perkhidmatan keretapi pendulum itu lahir daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika beliau melawat Jepun tahun lepas. Ia dikatakan dapat memendekkan masa perjalanan dari Kuala Lumpur ke Singapura daripada tujuh jam kepada hanya tiga setengah jam.

Ketika ditanya mengenai keupayaan KTM Berhad untuk terus beroperasi walaupun bekalan elektrik terputus, Abdul Rahim berkata terdapat tiga sub stesen yang boleh membekalkan tenaga yang diperlukan jika masalah itu timbul.

Bagaimanapun, beliau berkata ia hanya boleh mengatasi masalah bekalan elektrik terputus yang bersifat setempat dan tidak mampu menggantikan keseluruhan bekalan yang diperlukan apabila bekalan elektrik seluruh negara terputus seperti kejadian pada 3 Ogos.

Terdahulu, Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yasin merasmikan pertandingan rekacipta yang julung kali diadakan itu untuk meningkatkan daya kreatif di kalangan pelajar sekolah menengah. -- BERNAMA

HJ OBA